

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, November 12, 2018 10:39 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Anugerah Pelajaran Diraja Bagai Mimpi – Keluarga Sumber Inspirasi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

12 NOVEMBER 2018 / 04 RABIULAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA BAGAI MIMPI – KELUARGA SUMBER INSPIRASI



UUM ONLINE: "Saya percaya setiap kejayaan yang dikecapi adalah berkat doa ibu bapa dan kami adik-beradik sentiasa berlumba-lumba menjadi yang terbaik, tambahan lagi setelah melihat kakak memakai selempang kelas pertama pada majlis konvokesyen telah menyuntik semangat untuk berjaya sepertinya.

"Allah sentiasa mendengar suara hati hamba-Nya dan Anugerah Pelajaran Diraja tidak pernah menjadi sasaran atau impian dalam hidup saya, semuanya bagaikan mimpi dan menjadi dorongan untuk sambung belajar di masa hadapan," ujar Noor Nahjiha Hussien, 23, ketika ditemui selepas sesi pertama di Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM.

Graduan Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang dan Perniagaan (BPLB) yang mesra dengan panggilan Jiha Berjaya menamatkan pengajiannya dengan memperolehi CGPA 3.9, kini berkhidmat sebagai eksekutif di syarikat logistik bertaraf multinasional dari Amerika, United Parcel Services.

Jelasnya, BPLB bukanlah pilihan utama semasa memilih bidang pengajian ini empat tahun lalu malah, itulah kali pertama Jiha mengetahui kewujudan bidang seumpama itu di Malaysia.

Berbekalkan keputusan CGPA 4.0 dari Asasi Undang-undang UiTM, Jiha pada awalnya bercita-cita menjadi peguam dan memilih UUM atas permintaan ibu bapa, Noor Asmah dan Hussien Hashim.

“Kita merancang, Allah sebaik-baik perancang, ketika proses menghadiri temuduga BPLB, saya jatuh cinta dengan ilmu falsafah yang sentiasa mempersoalkan sesuatu kejadian, tiada siapa yang betul atau salah dalam memberi hujah seperti mana firman Allah dalam surah Al-Hadid 57:17

Ketahuilah olehmu bahawa sesungguhnya Allah menghidupkan bumi sesudah matinya. Sesungguhnya kami telah menjelaskan kepadamu tanda-tanda kebesaran (Kami) supaya kamu memikirkannya.

“Sejujurnya saya akui bidang ini membuatkan saya rasa dekat dengan suruhan Tuhan yang memerintahkan hamba-Nya menjadi seorang pemikir pada masa sama masih berpeluang belajar subjek dalam undang-undang dan perniagaan,” luahnya.

Jiha optimis BPLB dapat mempersiapkan graduan menjadi seorang yang berwawasan dengan ilmu falsafahnya, berdisiplin dengan ilmu undang-undangnya dan kritis dengan ilmu perniagaanya.

“Setelah habis belajar sebenarnya saya rasa sedih kerana banyak lagi topik dan persoalan yang tidak sempat dibincangkan dengan pensyarah dan rakan-rakan.

“Jika ada yang semangat menamatkan zaman belajar kerana ingin bekerja saya pula tidak sabar menamatkan pengajian di peringkat ijazah kerana ingin melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang falsafah atau perniagaan,” luahnya.

Tambahnya, ibu bapa merupakan insan yang berjasa dan banyak memberi sokongan malah bapanya selalu menjadi pendengar dan teman berhujah topik yang saya belajar di UUM.

Tidak mahu dilabel sebagai ulat buku yang hanya pandai akeademik, Jiha yang minat berniaga turut aktif dalam kokurikulum malah mempunyai kedai di atas talian (online) jadi masa amat terhad kerana terpaksa dibahagikan antara pelajaran, aktiviti luar dan perniagaan yang diusahakan.

Jiha mewakili universiti dalam delegasi Persatuan BPLB di tiga buah universiti di Melbourne, Australia selain terlibat dengan pelbagai agensi dan pelbagai pertubuhan kesukarelawan dalam menganjurkan aktiviti bermanfaat.

Dalam kesibukan itu, Jiha juga mempertingkatkan kemahiran berbahasa dengan mengambil kelas mandarin dan menduduki peperiksaan sijil bahasa Hanban (HKS) mandarin taraf antarabangsa.

“Saya belajar Bahasa mandarin kerana ramai kawan-kawan berbangsa Cina, mereka selalu ajar saya malah banyak manfaat apabila kita menguasainya memandangkan banyak syarikat yang meletakkan kebolehan berbahasa Mandarin sebagai syarat untuk bekerja,” tambahnya.

Mengimbau kenangan manis semasa di semester dua, Jiha diberi peluang menjadi pengarah bagi program terbesar persatuan.

“Saya sebenarnya ulat buku yang pemalu, dilantik menjadi pengarah program memaksa saya untuk bercakap di depan pelajar, berurusan dengan pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) cawangan Johor, Johor Corporation serta ADUN Tanjung Puteri.

“Semuanya menjadi pengalaman yang amat berharga bertitik tolak dari situ, saya terus mengetuai beberapa program setiap semester dan berubah menjadi Jiha yang lebih terbuka dan berkeyakinan di khalayak ramai,” singkapnya.


Berkongsi resepi kejayaan, Jiha sentiasa fokus dalam kelas dengan memberi tumpuan 100%, rajin bertanya dan menghormati pensyarah supaya ilmu yang disampaikan berkat dan mudah difahami.

“Rutin harian saya sangat ringkas, selepas subuh, saya suka jogging kerana senaman dapat menyegarkan dan menyediakan minda untuk penyerapan maklumat dalam kelas nanti.

“Cabaran terbesar adalah kekangan masa kerana belajar tiga bidang sekali gus, yang memerlukan persediaan mental. Bagi sesetengah subjek, saya mengambil masa agak lama untuk memahami konsep dan menyiapkan tugasan,” ujarnya.

Malah katanya, tidur yang mencukupi juga dapat meningkatkan sistem kerja minda dalam menerima, menyimpan dan mengingat infomasi baru, sekali gus menjadikan proses belajar lebih berkualiti.

Anak kelahiran negeri Jelapang Padi ini berhasrat untuk menyambung pengajian ke tahap tertinggi demi menggapai cita-cita menjadi pensyarah dan berbakti kepada UUM selain membawa ibu bapa menunaikan umrah bersama-sama suatu hari nanti.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.